

SIARAN AKHBAR

VF3i 185 KINI DENGAN PENAMPILAN YANG LAGI MENARIK



PULAU PINANG, 10 OKTOBER 2020 – Setelah mendapat sambutan yang memberangsangkan semasa pelancaran VF3i 185 LE pada Mei yang lalu, MForce Bike Holdings Sdn. Bhd. mengeluarkan edisi terkini VF3i 185 Pro atau V3 yang mempunyai tiga warna baharu iaitu merah, biru dan *gold* atas kehendak pasaran.

Pengurus Besar Operasi MForce Bike Holdings Sdn. Bhd., Encik Asri Ahmad, berkata VF3i 185 Pro dikeluarkan untuk memenuhi permintaan pasaran di samping mengekalkan ciri-ciri hebat seperti janaan enjin 4-lejang 183cc dengan penyejukan cecair serta mampu mencapai kuasa setinggi 19.7hp pada 9,000 rpm dan 17.4Nm tork pada 7,500 rpm. Selain itu, sistem brek anti-kunci (ABS) kekal ditampikan dalam edisi ini untuk tunggangan yang lebih selamat. VF3i 185 Pro turut memiliki tangki bahan api terbesar dalam kelas kapcai iaitu 7 liter untuk perjalanan yang lebih jauh. Ia juga dihadirkan bersama enjin suntikan bahan api dan dipadankan dengan transmisi enam kelajuan.

Penampilan cahaya DRL yang terang dan speedometer dengan reka bentuk yang bergaya baru disertakan di edisi Pro ini. Ia turut melepasi piawaian Euro serta ketinggian tempat duduk 790 milimeter demi memastikan keselesaan penunggang.

Model terbaru gaya elit ini ditawarkan dengan harga jualan yang mampu milik, RM9,338.00 tidak termasuk insurans dan cukai jalan. VF3i 185 Pro akan berada di premis-premis pengedar SYM di seluruh Malaysia bermula 15 Oktober 2020.

Pembeli VF3i 185 Pro atau V3 juga boleh menikmati jaminan pengeluar selama dua tahun atau jarak perjalanan 20,000 km (yang mana tiba dahulu) dan perkhidmatan **pembelian alat ganti tulen atas talian** oleh MForce Bike Holdings Sdn. Bhd.

Spesifikasi Teknikal

Jenis Enjin	SOHC, 4 Lejang, Silinder Tunggal, Sejukan Cecair
Gerek & Lejang	63.5 x 57.8 mm
Sesaran	183 c.c.
Kuasa Kuda Maksimum	14.7 kW pada 9,000 r/min
Tork Maksimum	17.4 Nm pada 7,500 r/min
Nisbah Mampatan	11.1:1
Transmisi	6 – Kelajuan
Minyak Pelincir	Pelincir Daya
Jenis Klac	Basah, Cakera Berbilang
Sistem Bahan Api	Suntikan Bahan Api Elektronik
Pematuhan	EURO 3
Sistem Penghidup	Penghidup Elektrik
Sistem Pencucuh	Full Transistor Ignition
Suspensi Hadapan	Cabang Teleskopik
Suspensi Belakang	Suspensi Tunggal dengan Gegelung Spring Teleskopik
Brek Hadapan	Cakera Tunggal 250mm ABS
Brek Belakang	Cakera Tunggal 200mm ABS
Tayar Hadapan	90/80- 17 (Tanpa Tiub)
Tayar Belakang	120/70-17 (Tanpa Tiub)
Jarak Roda	1290 mm
Kelegaan Tanah	150 mm
Berat	124 Kg
Kapasiti Bahan Api	7 Liter
Bateri	12V7Ah (Maintenance Free – MF)

- **Tentang SYM Malaysia:**

Bermula pada tahun 2008, MForce Bike Holdings Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pengedaran motosikal SYM di Malaysia. Menggabungkan keupayaan membuat enjin prestasi yang canggih dan tinggi dengan kekuatan dalam mengintegrasikan reka bentuk dan pembangunan motosikal, SYM Malaysia telah menjadi salah satu jenama motosikal yang diterima di Malaysia. Kini motorsikal SYM telah dipasang lebih daripada tiga ratus ribu unit motosikal di pasaran tempatan. Dengan keterujaan terhadap inovasi produk, SYM menghasilkan motosikal bertaraf dunia yang menyediakan pengalaman indah dan sensasi dalam setiap perjalanan anda.

SYM secara proaktif memperluaskan pasaran motosikal di luar negara dan membangunkan rangkaian global yang lebih kukuh untuk mengukuhkan sistem R & D, pengeluaran, pemasaran dan perkhidmatan untuk menjadi salah satu jenama motosikal paling terkenal di dunia.

Media Enquiry

Chew Wei Xiang

Hubungi: 012 273 7433 | Emel: chew.wei.xiang@mforce.my |